

KENYATAAN MEDIA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF INSKEN MENAMATKAN KONTRAK PERKHIDMATAN

CYBERJAYA, 15 FEBRUARI 2025 – Ketua Pegawai Eksekutif Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN), Encik Muhd Firdaus bin Azharuddin meninggalkan agensi ini setelah tamat tempoh perkhidmatannya. Beliau yang telah memulakan pucuk pimpinannya di INSKEN sejak tahun 2017 akan mengejar impian baharu setelah 8 tahun mencurahkan bakti dengan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Sepanjang kepimpinan beliau, Firdaus Azharuddin melaksanakan mandat serta tanggungjawab yang diberikan dengan baik dan sering mengutamakan aspek pembangunan keusahawanan terutamanya dari kategori mikro serta informal. INSKEN di bawah kendaliannya turut menyaksikan impak keberhasilan program yang luar biasa serta pelbagai inisiatif baharu juga diperkenalkan.

Peningkatan hasil jualan bagi Program Bimbingan INSKEN iaitu INSKEN Bumiputera Business Coaching (IBBC) dan Program Bimbingan Keuntungan Menu adalah antara sumbangan terbesar beliau kepada ekonomi negara. Kedua-dua program ini mencatatkan peningkatan hasil jualan hampir RM101 Juta ketika di bawah kepimpinannya melalui modul-modul bimbingan yang dirangka bagi memastikan usahawan dapat mencapai KPI yang ditetapkan. Selain itu, 1,134 pekerjaan baharu tercipta dan 130 usahawan bertukar status perniagaan daripada mikro kepada kecil. Melihat kepada keberhasilan program ini, beliau adalah tulang belakang utama yang memastikan Program IBBC wajib dilaksanakan kerana ia mampu memajukan perniagaan usahawan ke peringkat lebih tinggi.

Pada permulaan Pandemik Covid-19, INSKEN merupakan agensi pertama yang menawarkan inisiatif program latihan secara atas talian dan ia julung kalinya dilaksanakan tanpa sebarang pengalaman sebelum itu. Keprihatinannya dengan nasib usahawan terbukti apabila beliau mencetuskan inisiatif Program INSKEN BizLive dan pelbagai program latihan keusahawanan demi menghulurkan bantuan dari segi ilmu kepada usahawan yang ketika itu dalam kebuntuan. Hasilnya, 155 INSKEN Bizlive dilaksanakan dan memberi manfaat kepada usahawan di seluruh Malaysia yang memerlukan ilmu keusahawanan ketika itu terutamanya dalam memastikan kelangsungan perniagaan dan tidak gulung tikar ketika pandemik.

Bagi memastikan usahawan di Sabah dan Sarawak juga diberi tumpuan serta menerima manfaat dari INSKEN, Firdaus Azharuddin mengambil langkah bijak dengan membuka cawangan INSKEN di Sabah dan Sarawak pada tahun 2023. Selain itu, beliau juga sering turun padang untuk bertemu dengan usahawan termasuklah berkongsi ilmu kepimpinan yang perlu diterapkan dalam perniagaan. Kegigihan dan usahanya mendapat perhatian sehingga beliau menerima Anugerah 100 Top CEO 2022 di bawah kategori Special Leadership Award bagi Agensi Kerajaan (Pembangunan Usahawan Mikro dan Informal).

-TAMAT-

INSKEN merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program latihan dan bimbingan. Selaras dengan tagline "Membangun Usahawan Madani" INSKEN berwawasan untuk memantapkan perniagaan usahawan yang berdaya maju, lestari, mapan di samping merealisasikan serta mengukuhkan lagi ekosistem keusahawanan negara. Maklumat lanjut mengenai program latihan keusahawanan anjuran Institut Keusahawanan Negara Berhad boleh didapati melalui laman web rasmi INSKEN di www.insken.gov.my.

Sebarang pertanyaan mengenai media, sila hubungi Puan Nina Kamalia (Ketua Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam) di 03-83148861 atau Puan Atiqah (Eksekutif Kanan Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam) di 03-83148832.

**JABATAN PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BERHAD
15 FEBRUARI 2025**